

03/03/2000

BNM perlu siasat syarikat skim cepat kaya

Ex-Banker UK

SAYA adalah pegawai bank yang sudah berkhidmat lebih enam tahun. Saya ingin membangkitkan isu sebuah syarikat yang mendakwa beroperasi berasaskan konsep syariah serta menawarkan pulangan yang tinggi dalam masa yang singkat.

Pada 1997, kita dikejutkan dengan krisis ekonomi yang melanda dan kami dalam sektor perbankan amat merasai kesannya yang mana kadar faedah melambung, pinjaman dibekukan dan beberapa langkah drastik lain diambil. Namun, atas kecekapan dan kebijaksanaan kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kita berjaya menghadapinya.

Pada masa yang sama muncul sebuah syarikat yang menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi serta menawarkan pulangan yang tinggi kepada pelaburan orang rami.

Bayangkan dengan pelaburan RM2,000, mereka yang melabur kononnya akan mendapat pulangan RM200 sebulan, bermakna pulangan sebanyak 10 peratus sebulan. Begitu menakjubkan! Namun secara efektifnya pulangan itu adalah 20 peratus sebulan, kerana pelaburan tunai sebanyak RM1,000 dan resit belian barangan sebanyak RM1,000 yang mana barang itu sudah menjadi hak milik pelabur berkenaan.

Itulah syarikat penganjur skim cepat kaya yang begitu licik serta berselindung di sebalik resit belian barangan pelabur yang begitu ghairah mengejar wang. Skim ini mendapat sambutan. Khabarnya pihak syarikat mempunyai pelabur dari bahagian Selatan dan Timur Semenanjung Malaysia. Apakah jenis perniagaan yang begitu menguntungkan sehingga pihak syarikat menawarkan pulangan setinggi 20 peratus sebulan?

Apakah projek perumahan, perniagaan pasar raya ataupun kolej teknologi maklumat (IT) yang diwarwarkan itu begitu menguntungkan.

Kalau dikaji secara terperinci perniagaan itu memang menguntungkan tetapi tidaklah setinggi 20 peratus sebulan ataupun 240 peratus setahun yang mana pihak bank perdagangan dan institusi kewangan hanya mampu memberikan pulangan sekitar 3-6 peratus setahun atas deposit tetap ataupun pihak Permodalan Nasional Berhad (PNB) memberikan dividen sekitar 9-12 peratus setahun atas pelaburan Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Wawasan (ASW).

Walau apa pun dalih yang diberikan saya percaya syarikat itu tidak mempunyai lesen untuk menerima deposit daripada orang ramai.

Dengan itu saya meminta jasa baik Bank Negara Malaysia (BNM) membuat siasatan terperinci terhadap syarikat seperti itu sebelum lebih ramai orang tertipu dengan dakyah yang dibawa oleh syarikat berkenaan.